

# JENAYAH DAN JUVANA: PENGALAMAN SEBENAR

Nik Hasnaa Nik Mahmood<sup>1</sup>, Maslin Masrom<sup>1</sup>, Wan Normeza Wan Zakaria<sup>1</sup>,  
Nor Raihana Mohd Ali<sup>1</sup>, Rasheed Mohd Kutty<sup>1</sup>, Amyra Nabila Yusof<sup>1</sup>, Rossilah Jamil<sup>2</sup>,  
Othman Zainon<sup>3</sup>, Shahabuddin Amerudin<sup>3</sup>, Mohamad Ghazali Bin Hashim<sup>3</sup>,  
Suzanna Noor Azmy<sup>3</sup>, Al-Azmi Bakar<sup>4</sup>, Nurul Hidayah Abd. Khalid<sup>5</sup>,  
Dana Zulkeefly<sup>5</sup>, Khor Siew Yee<sup>5</sup>, Loh Siew Lik<sup>5</sup>

## Abstrak

Jenayah juvana masih kekal menjadi penyumbang kepada peningkatan indeks jenayah di Malaysia yang mana jika tidak dibendung boleh memberi kesan kepada pembangunan sosial, modal insan dan kesejahteraan negara. Ini terbukti dengan peningkatan kes jenayah juvana sebanyak 113%, iaitu daripada 5,125 kes pada tahun 2010 kepada 10,931 kes pada tahun 2014. Kertas kerja ini membincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada jenayah juvana daripada perspektif dan pengalaman sebenar juvana di dua buah sekolah di Melaka dan Kedah. Temubual separa berstruktur telah diadakan di sekolah tersebut antara bulan Oktober hingga Disember 2015, melibatkan 49 responden. Data temubual kemudiannya telah dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor seperti kekeluargaan, tahap ekonomi keluarga, kualiti hubungan kejiranan, persekitaran infrastruktur dan kemudahan ke kawasan kediaman, rakan, isu sekolah dan keciciran pelajaran, kurang penerapan spiritual, faktor teknologi maklumat/ gajet/ media sosial, dan faktor sendiri merupakan penyumbang utama jenayah juvana. Selari dengan dapatan kajian ini, beberapa program intervensi dicadangkan bagi mencegah dan memulih jenayah juvana berdasarkan tujuh falsafah program intervensi yang efektif iaitu pemantauan, pencegahan, disiplin, pembangunan kemahiran, program restoratif, kaunseling dan pembinaan hubungan. Program intervensi baru, yang masih belum diperkenalkan di Malaysia dan penambahbaikan program sedia ada dicadangkan dengan menitikberatkan elemen perkongsian tanggungjawab. Program intervensi ini dibahagikan kepada lapan kategori iaitu program untuk keluarga, pesalah juvana, komuniti, sekolah, fizikal dan infrastruktur, kepolisan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan program keadilan restoratif juvana. Program keadilan restoratif juvana merupakan program baru yang melibatkan penilaian semula polisi perundangan berkenaan dengan keadilan juvana di Malaysia dan selari dengan kehendak konvensyen mengenai hak kanak-kanak 1989.

**Kata Kunci** - Juvana, Jenayah Juvana, Teori Jenayah, Faktor-faktor Sosial, Program Intervensi, Program Keadilan Restoratif Juvana

---

<sup>1</sup> Sekolah Razak UTM dalam Kejuruteraan dan Teknologi Termaju, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>2</sup> Sekolah Bisnes Antarabangsa, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>3</sup> Jabatan Geoinformasi, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>4</sup> Pengarah Institut Sosial Malaysia

<sup>5</sup> Kluster Penyelidikan dan Pembangunan, Institut Sosial Malaysia

## Abstract

Juvenile crime remains a contributor to the increase of crime in Malaysia, which if left unchecked may affect social development, human capital and the wellbeing of nation. This is evidenced by the increase in juvenile crime cases up to 113% from 5,125 cases in 2010 to 10,931 cases in 2014. This paper discusses the factors associated with juvenile crime from the perspective and experience of juveniles themselves face to face in two schools in Melaka and Kedah. A semi structured interviews were conducted in those schools within the month of October until December 2015 involving 49 respondents. Interview data were then analyzed using qualitative method. The finding indicated that factors such as family, family economic level, neighborhood relation quality, environment and infrastructure facilities in residential area, friends, school drop-out issues and lessons, less spiritual practices, information technology / gadgets / social media, and self-factor are the major contributors to juvenile crime. In line with this finding, intervention programs are recommended to prevent and rehabilitate juvenile crime by seven philosophical effective intervention program, namely monitoring, prevention, discipline, skills development, restorative programs, counselling and relationship building. Intervention program whether a new, yet to be introduced in Malaysia and improvements to existing programs intended to emphasize the element of shared responsibility. These intervention programs are divided into eight categories such as programs for families, juvenile offenders, community, school and physical infrastructure, policing, the Social Welfare Department and the juvenile restorative justice program. The juvenile restorative justice program is a new program that involves reevaluation policy with regard to juvenile justice legislation in Malaysia and in agreement with the requirements of the Convention on the Rights of the Child 1989.


**Keywords** – Juvenile, Juvenile Crime, Crime Theory, Social Factors, Intervention Program, Juvenile Restorative Justice Program

## Pendahuluan

Isu jenayah dalam kalangan juvana adalah satu masalah yang semakin merisaukan serta menarik perhatian pihak berwajib dalam menangani masalah ini secara holistik. Pelbagai langkah telah diambil namun jenayah juvana masih kekal menjadi penyumbang kepada peningkatan indeks jenayah di Malaysia. Jika masalah ini tidak dibendung, ia boleh memberi kesan kepada pembangunan sosial, modal insan dan kesejahteraan negara.

Jenayah juvana di Malaysia menunjukkan peningkatan yang agak ketara dari tahun ke tahun. Rajah 1 menunjukkan jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2010 hingga 2014 iaitu sebanyak 5,125, 5142, 6184, 7816 dan 10,931 kes masing-masing. (Bernama, 2014 dan The Star, 2014). Keadaan ini jelas selari dengan kebimbangan yang dinyatakan oleh Naib Pengerusi *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF),

Tan Sri Lee Lam Thye mengenai peningkatan trend juvana yang terlibat dengan kes jenayah (The Star, 2014).



Rajah 1: Jumlah Kes Jenayah Juvana dari Tahun 2010 hingga 2014  
Sumber: The Star (2014) dan Bernama (2014)

Jenayah secara umum terbahagi kepada dua kategori iaitu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Jenayah indeks terdiri daripada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Contoh jenayah kekerasan adalah bunuh, rogol, samun berkawan dengan senjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api dan mendatangkan cedera. Manakala, contoh jenayah harta benda pula ialah pecah rumah, ragut dan curi. Jenayah bukan indeks merupakan jenayah tanpa kekerasan dan tidak dapat dikesan. Jenayah ini termasuklah rasuah, pemalsuan kredit dan sebagainya.

Walaupun pelbagai kajian jenayah juvana telah dijalankan (Jamri Bin Awang Besar et. al, 1998, Hasan Bahorm et. al, 2003 dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, 2004) dan pelbagai program pencegahan dan intervensi telah dicadang dan dilaksanakan, jumlah kes bagi tempoh berkenaan masih lagi menunjukkan peningkatan. Kajian yang mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada perlakuan jenayah perlu dilakukan untuk membolehkan pihak yang bertanggungjawab melakukan intervensi yang sesuai dan berkesan dalam menangani isu jenayah juvana.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka faktor-faktor pendorong dan penyumbang kepada perlakuan jenayah juvana di Malaysia. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini telah memberikan kerjasama yang sangat baik sewaktu menceritakan pengalaman sebenar mereka yang membawa kepada aktiviti jenayah.

## Tinjauan Literatur

### Jenayah

Jenayah adalah tingkah laku yang dianggap salah kerana melanggar kepentingan sosial dan hak awam (Ormerod, 2005). Tingkah laku jenayah boleh didefinisi berdasarkan empat tahap, iaitu: (i) mempunyai niat melakukan jenayah, (ii) mempunyai persediaan untuk melakukan jenayah, (iii) cuba untuk melakukan jenayah, dan (iv) melakukan jenayah. Jenayah juga boleh didefinisikan sebagai tindakan menyalahi undang-undang atau kesalahan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang jenayah. Kebanyakan kesalahan atau jenayah di Malaysia boleh dihukum di bawah undang-undang am (*common law*) atau di bawah mana-mana Akta Parlimen (Abdul Aziz Husin, 2010).

Dalam perspektif Islam, perkataan jenayah mengandungi pengertian yang am dan khusus. Secara amnya ia bererti sesuatu yang tidak baik dilakukan dan ia melibatkan dosa besar. Dari segi perundangan Islam pula, apa sahaja yang dilarang dalam Islam, jika dilakukan ia adalah satu dosa dan dengan itu boleh ditakrifkan sebagai jenayah dan mempunyai kesan tertentu dari segi hukuman (JAKIM, 2009).

### Pesalah Juvana

Juvana atau *juvenil* mengikut Kamus Dewan (2007) bermaksud anak muda yang belum matang (mentah) atau budak-budak. Akta Kanak-kanak 2001 menyatakan budak-budak atau kanak-kanak adalah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Sekiranya mereka terlibat dengan prosiding jenayah, kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun dan sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Oleh itu, pesalah juvana dapat didefinisikan sebagai seseorang di bawah 18 tahun dan sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah iaitu sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001. Sekiranya pesalah juvana telah melepasi usia 18 tahun, atau mana-mana pelaku jenayah yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun yang diperintahkan untuk menjalani perintah pemenjaraan oleh mahkamah, mereka dikenali sebagai pesalah muda mengikut Seksyen 2, Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

### Teori Berkaitan Jenayah

Berikut adalah beberapa teori yang menghuraikan punca berlakunya jenayah:

#### Teori Corak Jenayah

Menurut Rindlisbacher (2014), perlakuan jenayah dalam kalangan remaja tidak boleh dikatakan berpunca daripada satu sebab, sebaliknya ianya adalah kesan daripada beberapa rangkaian peristiwa. Peristiwa-peristiwa ini merupakan sebab jenayah tersebut dilakukan. Sebagai contoh, kesempitan hidup, keciciran sekolah,

reka bentuk alam sekitar dan susunan spatial yang menggalakkan peluang untuk melakukan jenayah.

### **Teori Tingkap Pecah**

Teori tingkap pecah (*Broken window theory*) adalah satu teori jenayah berdasarkan norma dan kesan isyarat gangguan bandar dan jenayah, dan tingkah laku anti-sosial. Ia menyatakan bahawa mengekal dan memantau persekitaran bandar untuk mencegah jenayah ringan seperti vandalisme (iaitu perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian) membantu untuk mewujudkan suasana yang selamat. Teori ini telah diperkenalkan oleh ahli sains sosial James S. Wilson dan George L. Kelling (Wilson dan Kelling, 1982).

### **Teori Jenayah Aktiviti Rutin**

Teori jenayah aktiviti rutin (*Routine activity crime theory*) yang dibangunkan dalam tahun 1996 menyatakan jenayah berlaku apabila pelaku jenayah digerakkan oleh sesuatu sasaran di samping kekurangan kawalan pada masa dan tempat. Penjenayah memilih sasaran atau mangsa seiring dengan aktiviti rutin seperti pergi dan balik dari tempat kerja dan membeli-belah, dan cenderung melakukan jenayah di sekitar mereka sahaja (Felson dan Cohen, 1979).

### **Teori Penyimpangan Budaya**

Prinsip utama teori penyimpangan budaya (*Culture deviance theory*) ialah kepatuhan kepada norma-norma budaya lazim masyarakat kelas rendah menyebabkan jenayah kelas rendah mempunyai satu set unik nilai dan kepercayaan, yang selalunya bercanggah dengan norma-norma sosial konvensional. Dalam konteks ini, mereka yang tinggal di lokaliti yang tidak tersusun lebih cenderung melakukan jenayah. Teori ini dikemukakan oleh Julian Hermida (Hermida, 1997).

### **Faktor Penyumbang Jenayah Juvana**

Antara faktor utama yang menyumbang kepada perlakuan jenayah juvana ialah faktor sosial. Menurut kajian JAKIM (2009), James (2008), Zainudin dan Norazmah (2011), dan Hamidah dan Hamdan (2003), antara faktor-faktor sosial yang menyumbang kepada jenayah juvana adalah kurang kemahiran keibubapaan, pergaulan bebas, kurang didikan agama, masalah disiplin di sekolah, masalah prestasi pelajaran di sekolah, masalah emosi disebabkan perubahan hormon (keinginan untuk mencuba perkara baru, memberontak, dan lain-lain), bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat, kurang komunikasi dengan ibu bapa, masalah kemiskinan, dan tekanan hidup di bandar.

Jenayah juvana ini dikatakan sebagai satu masalah kesihatan awam seperti yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization – WHO) beberapa kali dalam beberapa siri penerbitannya. Berdasarkan laporan WHO (2002), seorang daripada 565 juvana dijumpai mati setiap hari di seluruh dunia disebabkan jenayah yang berlaku antara mereka. Oleh itu, pencegahan terhadap jenayah juvana ini perlu bermula di peringkat awal dan jenayah perlu

dihindarkan sebelum ia bermula.

## Metodologi

Kaedah temu bual secara bersemuka telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data berdasarkan pengalaman sebenar para responden di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dan Sekolah Integriti Sungai Petani, Kedah. Kaedah ini dianggap sebagai kaedah terbaik terutamanya dalam menangani isu juvana yang dianggap sensitif (Zikmund, 2003). Kaedah ini membenarkan para responden berkongsi pengalaman dan perasaan secara terbuka dengan penemubual sahaja.

Instrumen kajian ini telah dibina oleh penyelidik selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Instrumen yang berbentuk soalan temu bual separa berstruktur telah disahkan oleh Institut Sosial Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia sebelum temu bual tersebut dijalankan.

Pengumpulan data bermula dengan mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjalankan temu bual dengan pesalah juvana (bawah 18 tahun) di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dan pesalah muda (18 hingga 21 tahun) di Sekolah Integriti Sungai Petani, Kedah. Terdapat empat kriteria utama yang ditetapkan dalam memastikan pemilihan responden adalah mewakili kelompok jenayah juvana yang dikaji iaitu:

- i. Telah melakukan jenayah di bawah kategori jenayah indeks Malaysia, iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.
- ii. Terdiri daripada kumpulan umur di bawah 18 tahun, dan 18 hingga 21 tahun.
- iii. Jantina terdiri daripada lelaki dan perempuan.
- iv. Telah melakukan jenayah di lokasi mengikut negeri yang telah ditetapkan.

Bilangan dan kriteria para responden yang telah ditemubual di kedua-dua buah sekolah ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Bilangan Responden Temu Bual**

Sekolah	Jumlah Responden	Bilangan Responden	
		Jantina	
		Lelaki	Perempuan
Sekolah Henry Gurney Melaka	35	20	15
Sekolah Integriti Sungai Petani	14	14	0

Temu bual telah dijalankan mengikut protokol dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti Sungai Petani untuk memastikan para responden adalah selesa untuk ditemu bual. Temu bual tidak

dirakam seperti mana yang telah disyaratkan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia. Data temu bual pesalah juvana dan pesalah muda dianalisis menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu Analisis Perbandingan Berterusan (*Constant Comparative Analysis*) secara manual untuk menghasilkan tema-tema berkaitan faktor-faktor yang berkaitan dengan kejadian jenayah juvana. Corak tema ini dikumpulkan berdasarkan hubungan dan perbezaan antara responden. Data diterjemahkan kepada makna yang paling sesuai berdasarkan kepada masalah kajian, tinjauan literatur serta pengalaman para penyelidik (Creswell and Plano Clark, 2011).

## **Dapatan Kajian**

Berdasarkan dapatan temu bual bersama pesalah juvana dan pesalah muda, faktor penyumbang kepada jenayah juvana ini dapat dikategorikan kepada sembilan faktor iaitu :

### **1) Kekeluargaan**

Institusi kekeluargaan adalah tunjang kepada kesejahteraan masyarakat. Sekiranya keluarga bermasalah maka ia mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat. Pengalaman inilah yang dilalui oleh pesalah juvana. Responden-responden yang telah ditemu bual mempunyai latarbelakang kekeluargaan yang kurang mesra dengan ibu bapa dan keluarga, struktur keluarga yang tidak kukuh disebabkan oleh masalah seperti perceraian ibu bapa, kematian salah seorang atau kedua ibu bapa, dan pengaruh negatif ahli keluarga kepada responden. Berikut adalah perkongsian oleh beberapa orang responden mengenai keluarga mereka:

“Bapa sangat sibuk. Jarang berjumpa dengan bapa kerana bapa pergi kerja awal dan balik kerja lewat. Bapak busy, sebulan 3 atau 4 kali jumpa”.

(R1, Lelaki, Cina, Johor, Jenayah Samun Berkumpulan)

“Mak ayah saya bercerai. Saya duduk dengan nenek sebab saya tak suka dengan ayah baru. Ayah kandung saya hisap dadah tapi dah bebas. Ayah tiri saya baik, dia selalu beri nasihat pada saya. Tapi saya tak suka dia”.

(R35, Perempuan, India, Johor, Jenayah Samun Bersenjata Berkumpulan)

Terdapat juga kes di mana responden berlatar belakang yang sangat kronik. R18 contohnya adalah anak luar nikah di mana ibu kandung adalah penagih dadah. Responden adalah anak sulung dan ibunya mempunyai seorang lagi anak. Responden mengatakan dia dan adiknya ‘dijual’ oleh ibu kandungnya dengan harga RM800 kepada keluarga angkat. Bak kata pepatah Melayu ‘sudah jatuh ditimpa tangga’, nasib responden tidak berubah. Beberapa tahun yang lalu beliau dihalau oleh keluarga angkat. Sejak itu, R18 duduk merempat di sekitar bandar dan mencuri untuk makan. Adik kandung responden yang dibela juga bermasalah sosial dan tidak terkawal.

“Mak ayah angkat ada anak kandung sendiri... 2 orang... Saya selalu diburukkan, dituduh oleh anak kandung (mereka)... (kalau apa-apa kes) ibu ayah angkat tak percaya saya... Masa saya umur 13 tahun saya kena halau ibu angkat sebab mereka (adik beradik angkat) tuduh saya”.

(R18, Lelaki, Negeri Sembilan, Jenayah Samun)

## **2) Tahap Ekonomi Keluarga**

Kesempitan hidup disebabkan oleh peningkatan kos hidup turut mempengaruhi keterlibatan jenayah dalam kalangan juvana. Contohnya kesulitan kewangan semasa belajar memaksa R43 melakukan jenayah samun bersenjata. Berikut adalah kata-katanya:

“Saya minta ayah saya duit untuk bayar duit kolej tapi ayah tak bagi. Saya minta pinjam dengan pensyarah pun dia tak boleh nak tolong, jadi saya terpaksa samun kedai”.

(R43, Lelaki, Melayu, Selangor, Jenayah Samun Bersenjata)

## **3) Kualiti Hubungan Kejiranan**

Terdapat juga kes di mana kualiti kejiranan bertanggungjawab secara langsung dalam menyebabkan berlakunya sesuatu jenayah. Petikan di bawah menunjukkan masalah dadah yang kritikal di sesebuah kawasan telah mempengaruhi aktiviti anak muda di kawasan berkenaan.

“Kalau petang-petang, boleh nampak orang tua duduk berbaris panjang tepi sungai... hisap”.

(R4, Lelaki, Melayu, Terengganu, Jenayah Dadah)

“(Tempat saya) memang banyak dadah sebab dekat dengan sempadan. ... Ada 2 tempat (taman perumahan) yang paling banyak dadah di (tempat saya). Taman XXX dan taman YYY (nama taman dirahsiakan di dalam laporan ini)”.

(R22, Perempuan, Melayu, Kedah, Jenayah Dadah)

## **4) Infrastruktur Persekitaran dan Kemudahan di Kawasan Kediaman**

Keadaan persekitaran kawasan kediaman juga memberi ruang untuk juvana melakukan aktiviti jenayah. Contohnya R1 yang berkongsi pengalaman bagaimana dia dan rakan-rakan merancang untuk memecah masuk sebuah rumah,

“Kami tengok rumah yang telah ditarget dalam masa seminggu..nak tengok masa tuan rumah ada di rumah. Selalunya kami target rumah yang kosong. Yang penting, mesti ada satu jalan keluar masuk sahaja..mudah nak awasi. Satu group menyamun, satu lagi tengok jalan kalau ada polis ... orang keluar masuk”.

(R1, Lelaki, Cina, Johor, Jenayah Samun Berkumpulan)

Bagi R36, kawasan yang sibuk bukan menjadi penghalang untuk beliau menyamun. Malah kawasan ini menjadi tumpuannya untuk menyamun.



“Saya biasa samun. Kawasan publik pun saya samun. Cuma, nak kena cepat bertindak..baru orang tak perasan”.

(R36, Lelaki, Melayu, Pulau Pinang, Jenayah Samun)

Namun, bagi sesetengah pesalah juvana, keadaan sekeliling yang sunyi dan malap memberi ruang untuk mereka terlibat dengan jenayah.

“Selalunya kalau nak jual dadah, saya pergi kubur. Situ sunyi, gelap”.

(R4, Lelaki, Melayu, Terengganu, Jenayah Dadah)

Selain itu faktor kepadatan kawasan perumahan juga merupakan salah satu penyumbang kegiatan jenayah. Kawasan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) disebut sebagai lokasi gejala tidak sihat. Contoh yang paling tepat dapat dilihat dalam kes R24. Responden ini ditangkap atas kes dadah. Dia hanya berumur 18 tahun tetapi telah mengandung anak luar nikah dan gugur selama 3 kali. Teman lelaki responden ini semua adalah di flat PPRT yang sama. Responden juga mengatakan diperkenalkan kepada dadah pada umur 11 tahun oleh jiran di flat yang sama. Petikan temu bual R24 di bawah menggambarkan keadaan PPRT tersebut.

“Flat ni memang banyak masalah sosial... Bila ada budak perempuan baru datang (pindah), kita orang akan ‘warn’ ‘korang baik-baik kat sini, flat ni lain sikit’. (Responden memberitahu penemuduga) orang panggil flat ni ‘flat bohsia’.

(R24, Perempuan, Kuala Lumpur, Jenayah Dadah)

## 5) Rakan

Ramai responden yang terpengaruh dengan gejala negatif melalui rakan. Petikan di bawah menggambarkan contoh di mana responden mula terjebak melalui pengaruh rakan.

“Saya kawan dengan semua bangsa. Ada yang ajak ponteng sekolah, ada yang ajak gaduh. Ada yang hisap dadah”.

(R11, Lelaki, Melayu, Kedah, Jenayah Samun)

“Saya mula mencuri komputer di sekolah menengah dengan 3 orang kawan baik saya. Lepas habis sekolah ni pun saya masih berkawan dan mencuri dengan dorang”.

(R44, Lelaki, Melayu, Penang, Jenayah Samun Bersenjata)

Faktor umur rakan juga memberi kesan dalam perilaku responden. Dapatan menunjukkan pengaruh tidak sihat adalah lebih ketara jika responden berkawan dengan orang yang lebih dewasa. Contohnya, R3 secara tidak langsung mengaitkan umur rakannya yang lebih dewasa dalam keterlibatannya di dalam jenayah yang disabit. R3 terlibat di dalam kes pergaduhan berkumpulan di mana mangsa terbunuh. Di dalam kes tersebut, responden melaporkan kawannya yang lebih

dewasa mengajak responden memukul mangsa yang dituduh mengacau isteri kawannya itu.

“Saya tidak kenal rapat dengan kawan tu. Kenal gitu-gitu aje. Mak bapak tak tahu saya kawan dengan orang atas umur”.

(R3, Lelaki, Melayu, Selangor, Jenayah Bunuh)

Begitu juga dengan R24 di mana teman lelakinya yang lebih tua merupakan pengaruh negatif di dalam tingkah lakunya.

“Saya mula hisap umur 11 tahun... (Belajar dari) jiran (berumur 30 tahun)... Saya datang rumah dia tengok dia hisap, saya tanya ‘eh ko buat apa tu?’ Dia cakap ‘ko nak try?’.

(R24, Perempuan, Kuala Lumpur, Jenayah Dadah)

Responden mengatakan selepas beberapa kali mencuba secara percuma dan ketagih, jiran tersebut mula meminta bayaran. Responden menceritakan:

“Kau kata free, aku mana ada duit (nak bayar)?... (Jiran cakap) ‘eh ko bayar lah apa yang ko ada’ (bermaksud seks) (Itu adalah permulaan perhubungan seks rambang dan responden mengandung.

(R24, Perempuan, Kuala Lumpur, Jenayah Dadah)

## **6) Isu Ponteng Sekolah dan Keciciran Pelajaran**

Kajian mendapati rata-rata tingkah laku negatif responden bermula sejak mereka di bangku sekolah lagi. Mereka sudah mula belajar merokok, mencuri, merogol termasuklah menjual dadah semasa di alam persekolahan. Isu ponteng sekolah dan keciciran menyumbang secara langsung kepada tingkah laku negatif mereka. R25 dan R9 menunjukkan bagaimana masanya diisi semasa ponteng sekolah:

“Hari tu saya tak gi sekolah. Kawan-kawan lelaki yang sama-sama ponteng sekolah datang lepak sama dekat rumah. .... Budak perempuan itu pun datang sekali. (Berlaku kejadian rogol pada masa itu)”.

(R25, Lelaki, Kelantan, Jenayah Rogol)

“...bila dah tak sekolah, saya lepak di kedai makan dengan kawan”.

(R9, Lelaki, Pulau Pinang, Jenayah Dadah)

R9 mula terjebak dengan jenayah dadah melalui kawannya.

Persoalan juga timbul samada wujudnya persekitaran sekolah yang kondusif untuk pembangunan diri remaja. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua orang responden yang secara langsung menceritakan persekitaran sekolah mereka seperti di bawah. R18 yang terlibat dalam kumpulan gengster menceritakan bagaimana dia terlibat dalam kumpulan tersebut.

“Setiap sekolah ada ketua geng... apa sekolah pun ada geng. (Masuk) geng itu adalah ‘license’. (kalau tidak masuk geng) nanti mereka buli. .. Cikgu-cikgu pun tau di sekolah ada gengster tapi tak boleh nak kawal”.

(R18, Lelaki, Cina, Johor, Jenayah Samun Berkumpulan)

## 7) Kurang Penerapan Spiritual

Konsep spiritual adalah penting dalam pembentukan diri seseorang. Fahaman agama mampu mengawal tingkah laku individu dari melakukan perkara jahat dan menggalakkannya melakukan perkara baik. Konsep ketuhanan merupakan sistem pengawalan yang efektif kerana manusia percaya mereka sentiasa dilihat dan diawasi. Nilai-nilai murni ini wujud di dalam semua agama.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat kes di mana kurangnya penerapan nilai keagamaan di dalam keluarga dan diri responden. Menggunakan elemen ukuran solat sebagai tiang agama, didapati rata-rata pesalah juvana tidak menunaikan solat. Berikut adalah beberapa contoh petikan temu bual.

“Saya tak pernah solat sebelum ini. Masuk sini pun selepas 2,3 bulan baru solat. Itu pun tengok kawan solat”.

(R38, Lelaki, Perak, Jenayah Samun)

“Saya tak tau bab agama”.

(R22, Perempuan, Kedah, Jenayah Dadah)

Ada juga responden yang menyalahkan diri sendiri kerana kurang penghayatan agama dan bukan kerana pengaruh keluarga. Perkara ini dapat dilihat pada responden Islam dan bukan Islam. Antara contoh petikan adalah seperti berikut:

“Ibu ayah solat dan sering suruh solat. Adik beradik pun solat. Saya je tidak pernah solat”.

(R46, Lelaki, Kedah, Jenayah Rogol)

“Ayah dan kakak kuat agama. Mereka selalu ke kuil. Setiap 7 malam hari Selasa dan Jumaat mereka akan ke kuil. Tapi saya tak ikut”.

(R47, Lelaki, India, Perak, Jenayah Samun)

## 8) Faktor Teknologi Maklumat / Gajet / Media Sosial

Faktor teknologi maklumat, gajet dan media sosial juga telah dikaji dalam kajian ini sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada jenayah kanak-kanak. Terdapat responden yang mengaku melihat gambar-gambar pornografi dan bahan-bahan lucah melalui telefon bimbit dan Facebook, manakala segelintir daripada responden pergi ke pusat siber dengan tujuan bermain ‘game’, ‘video’ dan menonton ‘movie’. Berikut adalah beberapa contoh petikan temu bual:

“Saya pernah tengok filem pornografi guna telefon bimbit. Suka-suka tengok ja tapi pengaruh saya juga”.

(R25, Lelaki, Melayu, Kelantan, Jenayah Rogol)

“Selalunya saya guna telefon bimbit untuk hubungi kawan. Tapi saya belajar menyamun melalui filem-filem di televisyen”.

(R43, Lelaki, Melayu, Selangor, Jenayah Samun Bersenjata)

Terdapat juga responden yang menonton filem pornografi dan berkenalan menggunakan media sosial seperti Facebook dan WeChat.

“Saya guna telefon bimbit untuk hubungi kawan, dapat kenalan baru juga layari web pornografi. Saya kenal perempuan tu pun melalui aplikasi WeChat”.

(R49, Lelaki, Pulau Pinang, Jenayah Rogol)

## 9) Faktor Kendiri

Hasil temu bual juga menunjukkan masalah sendiri responden seperti tiada jati diri, degil, tiada matlamat hidup, tidak berfikir panjang dan mudah dipengaruhi rakan turut menyumbang kepada salah laku jenayah. Responden juga tidak pasti dengan identiti diri masing-masing seperti mana yang dinyatakan oleh responden berikut. R39 terlalu mengikut kata hati yang marah dengan majikannya kerana tidak menjelaskan gaji.

“Saya tak fikir baik buruk bunuh majikan saya. Asalkan saya puas hati dapat bunuh bos... saya yang tak bayar gaji saya 2 bulan”.

(R39, Lelaki, Bumiputera, Sabah, Jenayah Bunuh)

Satu lagi contoh adalah disebabkan oleh tahap ketakmatangan pemikiran pesalah. R42 telah merosakkan masa hadapannya tanpa berfikir panjang.

“Saya dapat tawaran belajar di sebuah kolej di Sarawak. 2 minggu sebelum pendaftaran, saya dan kawan-kawan nak ‘enjoy’ bersama pasangan masing-masing. Saya pergi ambil teman wanita saya dan kami bermalam di hotel. Esoknya saya ditangkap atas tuduhan merogol teman wanita saya”.

(R42, Lelaki, Melayu, Kedah, Jenayah Rogol)

Begitu juga dengan R48 yang dilihat tidak dapat membezakan perkara yang benar dan salah. Oleh kerana keadaan hidup yang menghimpit dengan pendapatan isi rumah yang lebih kurang RM1,000 sebulan, dia telah mengambil upah bekerja dengan gengster sebagai kerja sambilan.

“Saya selalu kena panggil dengan bos untuk kerja part time macam bakar lori, bakar kereta. Kadang-kadang curi kereta juga”.

(R48, Lelaki, India, Perak, Jenayah Samun Berkumpulan)

Selain itu, sikap memberontak juga dilihat dalam diri responden. Ini dipamerkan di dalam kes R20 berikut :

“Saya susah nak dapat keluar, bila mama bagi keluar saya akan keluar lama... kalau mama bagi sampai pukul 9 saya akan balik pukul 12 malam. Saya ni jujur. Mama cakap ‘ko ni bagusny jujur tapi degil’. Jadi kalau (saya) jujur (berterus-terang minta nak keluar) pun mama tak bagi, saya akan tipu”.

(R20, Perempuan, Melayu, Johor, Jenayah Pecah Amanah)

“Lepas keluar asrama anak yatim saya nak bebas...saya lepak dengan kawan-kawan sama minat (yang bermasalah)... (saya nak balas dendam kerana) mama ‘kurung’ saya selama 3 tahun kat asrama tu”.

(R23, Perempuan, Kuala Lumpur, Jenayah Dadah).

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor utama penyumbang jenayah juvana adalah kekeluargaan, tahap ekonomi keluarga, kualiti hubungan kejiranan, persekitaran infrastruktur dan kemudahan di kawasan kediaman, rakan, isu sekolah dan keciciran pelajaran, kurang penerapan spiritual, faktor teknologi maklumat atau gajet atau media sosial, dan faktor sendiri.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut, beberapa program intervensi untuk mencegah dan memulih jenayah juvana telah dicadangkan. Program intervensi ini dibentuk berdasarkan tujuh falsafah program intervensi yang efektif iaitu: pemantauan, pencegahan, disiplin, pembangunan kemahiran, program restoratif, kaunseling, dan pembinaan hubungan. Program yang dicadang juga menitikberatkan elemen perkongsian tanggungjawab atau ‘*shared responsibility*’ di mana ia melibatkan pemegang taruh seperti keluarga, komuniti, sekolah, agensi pelaksana dan pihak luar (seperti badan bukan kerajaan atau NGO, syarikat korporat dan ahli akademik). Program intervensi yang dicadangkan dibahagikan kepada lapan kategori iaitu program untuk keluarga, program untuk pesalah juvana, program untuk komuniti, program untuk sekolah, program untuk fizikal dan infrastruktur, program untuk kepolisan, program untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan program keadilan restoratif juvana. Pembahagian ini memfokus kepada peranan yang dimainkan oleh setiap pemegang taruh dan kumpulan sasaran.

Program intervensi yang dicadangkan meliputi program baru yang belum diperkenalkan di Malaysia, dan juga penambahbaikan program yang sedia ada. Salah satu program baru yang dicadangkan adalah program keadilan restoratif juvana. Program ini akan melibatkan penilaian semula polisi perundangan berkenaan dengan keadilan juvana di Malaysia. Cadangan program keadilan restoratif juvana adalah selari dengan kehendak ‘*Convention on the Rights of the Child*’ (Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak) (1989). Secara ringkas, program keadilan restoratif juvana ini akan melibatkan pesalah juvana, mangsa dan komuniti dalam pemulihan pesalah juvana.

## Penghargaan

Pasukan penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Institut Sosial Malaysia yang telah memberi kepercayaan kepada para penyelidik dalam menjalankan kajian ini, Juga, ucapan terima kasih ditujukan kepada Unit Siasatan Jenayah (D4), Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman yang telah membekalkan data untuk kajian ini. Seterusnya, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Sekolah Henry Gurney, Melaka

dan Sekolah Integriti Sungai Petani, Kedah di atas kebenaran yang diberikan bagi menemu bual responden yang berkaitan. Akhir sekali, terima kasih juga diucapkan kepada semua pemegang taruh yang terlibat dalam kajian ini samada secara langsung atau tidak langsung.

## Rujukan

Abdul Aziz Husin (2010). *Panduan Umum Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akta Kanak-Kanak (2001). Seksyen 2.

Bernamea (2014). Jenayah Dalam Kalangan Generasi Y Membimbangkan – MCPF (2014, December 17). Berita Wilayah. Dicapai pada 30 Jun 2015. Diakses [http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/bm/news.php?id=1094145&cat=sl](http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=1094145&cat=sl)

Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and Conducting Mixed Methods Research* (2nd. ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Felson, M., dan Cohen, L. (1979). Social Change and Crime Rate Trends: A Routine Activity Approach. *American Sociological Review*, 44(4), 588–608.

Hamidah Ab. Rahman dan Hamdan Abd. Kadir (2003). Modul Intervensi Keganasan Rumah tangga (Penderaan Anak) dan Jenayah Remaja (Juvana): Cadangan Pendekatan Untuk Belia dan NGO. *Jurnal Kemanusiaan*, 1-19.

Hasan Bahorm, Syed Saifuddin Syed Ahmad, Mohd Aziz Sahidin, Zaid Ngah (2003). Laporan Penyelidikan Jenayah Juvana Di Pantai Timur. Universiti Teknologi Mara.

Hermida, J. (1997). *Commercial Space Law: International, National and Contractual Aspects* (Buenos Aires: EdicionesDepalma).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2009). Pencegahan Jenayah Juvana. *Khutbah Jumaat*, 1-4.

James, C. H. (2008). *Preventing and Reducing Juvenile Delinquency: A Comprehensive Framework*. Second Edition. Los Angeles: Sage.

Jamri Bin Awang Besar, Zaihan Binti Abdul Latip, Rahimah Bee Binti Mohd Yusof, Arshad Bin Haji Hashim (1998). Kajian Jenayah Juvana Di Sabah Satu Kajian Permulaan. Laporan Akhir Penyelidikan. Universiti Teknologi Mara.

\_\_\_\_\_ (2007). Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanun Keseksaan (Akta 574). Seksyen 82.

Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Seksyen 2.

Ormerod, D. (2005). *Smith and Hogan: Criminal Law*. Oxford University Press.

Rindlisbacher, R. (2014). *Juvenile Crime And Urban Planning – How To Measure Crime Factors And Promote Prevention By Using Geospatial Technologies?*. Final Report – Marshall Plan Foundation. Department of Geography and Regional Science. University of Graz.

The Star Online (2014). Juvenile Crime on the Rise. Arkib, 13 April 2014 Capaian pada 20 Julai 2015 daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140613/je\\_08/Jenayah-juvenil-meningkat-417-peratus—Lam-Thye](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140613/je_08/Jenayah-juvenil-meningkat-417-peratus—Lam-Thye).

Wilson, J.Q., dan Kelling, G. (1982). Broken Windows: The Police and Neighborhood Safety. *Atlantic*, 29-38.

World Health Organization (WHO) (2002). World Report on Violence and Health: Summary. Geneva.

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (2004). Laporan Kajian Punca Jenayah Juvana Di Kalangan Pelajar. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.

Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.

Zikmund, W. G. (2003). *Business Research Method* (7th ed.). Ohio: Thompson.